



جاپتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Assalamualaikum ustaz..mntk pencerahan hal bekerja di kawasan pengurusan mayat non Muslim bg pekerja Islam..hukum dia harus @ haram?

Klu saya ditawarkan kerja di memorial park. hukum dia apa? memorial park tu perkuburan bukan islam. tp kita bukan kerja di tapak perkuburan tu, HQ la dekat bandar. Sy ada tanya imam sini, dia pn xpasti, dia tanya kawan dia lulusan mesir, kawan dia tu ustaz jgk la. kata dia, xda masalah. hukum dia harus. apa pandangan ustaz. atau boleh utarakan kepada rakan ustaz.

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ beserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Dalam sebuah negara Islam, orang bukan islam diberikan hak beribadat dan mengamalkan agama mereka. Para ulama pula telah bersepakat bahawa mereka boleh melakukan apa sahaja syiar agama di tempat ibadat mereka. Lantaran itu, sebarang perkara yang berkaitan dengan peribadatan mereka, maka hendaklah kerajaan Islam memberikan kemudahan atau sebagainya.

Namun begitu timbul persoalan, berkenaan dengan pembinaan rumah ibadat bagi orang bukan Islam yang dibantu oleh orang Islam. Perkara ini menjadi perdebatan ulama, sejak dahulu sehingga kini. Dalam mengupas isu ini, terdapat dua pandangan ulama. Ada pandangan yang mengharuskan seorang Muslim melibatkan diri dengan pembinaan dan bekerja di gereja dan sebahagian ulama pula mengharamkannya.

- 1) **Harus** orang islam membina rumah ibadat bagi orang bukan Islam. Pandangan Imam Abu Hanifah dan disokong oleh Sheikh Dr. Yusuf Al-Qardawi dengan katanya :

"أما المشاركة في مناقصة لبناء إحدى دور العبادة لغير المسلمين، مثل: معبد للهندوس أو كنيسة للنصارى، فقد اختلفت أقوال الفقهاء في ذلك. وأن السماح للنصارى بإقامة كنيسة في قطر يدخل في هذا الباب، وهو من حقّ وليّ أمر، بناء على فقهه السياسية الشرعية التي تقوم على رعاية مقاصد الشرع، ومصالح الخلق، وتوازن بين المصالح بعضها وبعض، والمفاسد بعضها وبعض، والمصالح والمفاسد إذا تعارضتا، ويجب على وليّ الأمر الرجوع إلى فتوى العلماء الراسخين، حتى لا يقع فيما لا يحبّه الله ولا يرضاه."

Maksudnya; *"Adapun isu orang-orang islam bersama-sama membina salah satu ruang ibadat bagi orang bukan islam, seperti tempat ibadat hindu atau gereja bagi nasrani (Kristian), ada pelbagai pandangan ulama. Sesungguhnya harus bagi nasrani membina gereja di Qatar, dan ia adalah hak bagi pemerintah. Semua ini berasaskan kepada fiqh Siyasa Syariyyah (pemahaman politik dari sudut syarak) yang ia tertakluk kepada perakuan terhadap Maqasid Syariah (matlamat syarak) dan masalah sesama makhluk (manusia), menimbang antara masalah sebahagiannya dengan sebahagian yang lain, dan mafsadah sebahagiannya dengan sebahagian yang lain, apabila bertembung kedua-duanya, dan wajib pemerintah merujuk kepada ulama yang mendalam pemahamannya, sehinggalah tidak berlaku perkara yang Allah SWT tidak suka dan tidak redha"*.

Dalam kitab Bahr Ar-raeq(8/23) menyatakan;

"ولو استأجر. أي الذمي. المسلم ليبي له بيعة أو كنيسة جاز ويطيب له الأجر"

Maksudnya; "Sekiranya memberi upah – oleh zimmi – kepada orang islam untuk membina gereja, maka ia adalah harus dan upah itu adalah baik baginya"

Dalam Hasyiah Ibnu 'Abidin (6/931);

"ولو أجر نفسه ليعمل في الكنيسة ويعمرها لا بأس به لأنه لا معصية في عين العمل"

Maksudnya; "Sekiranya mengupahkan dirinya supaya bekerja [membina] gereja, maka itu tidak mengapa. Ini kerana, tiada maksiat pada kerja itu" .

Maka pandangan mengharuskan ini berasaskan kepada firman Allah ﷻ dalam surah Mumtahanah ayat 8 :

لَا يَنْهَىكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُقْسِطِينَ

Bermaksud : “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”.

Nabi ﷺ menyuruh kita supaya menjaga hak orang bukan Islam, dan tidak boleh menzalimi mereka. malahan Nabi ﷺ sendiri mengakui bahawa Nabi ﷺ berbelah pihak kepada orang bukan Islam jika mereka dizalimi oleh orang islam. Sabda Nabi ﷺ ;

"أَلَا مَنْ ظَلَمَ مَعَاهِدًا أَوْ انْتَقَصَهُ أَوْ كَلَّفَهُ فَوْقَ طَاقَتِهِ أَوْ أَخَذَ مِنْهُ شَيْئًا بغيرِ طيبِ نَفْسٍ فَأَنَا حَاجِجُهُ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ"

Maksudnya; "ketahuilah, barangsiapa yang melakukan kezaliman kepada orang bukan Islam (yang ada perjanjian) atau mengkurangkan (haknya) atau memberi tekanan kepadanya yang luar dari kemampuannya atau mengambil sesuatu darinya tanpa cara baik, maka aku berhujjah dari pihaknya pada hari akhirat kelak" (Riwayat Abu daud : 2654)

Walaupun begitu Sheikh Dr. Yusof Al-Qardawi turut memperingatkan bahawa terdapat ramai ulama yang mengharamkan hal yang demikian berbanding yang mengharuskannya.

Menurut beliau, ulama yang mengharamkan keterlibatan Muslim dalam pembinaan gereja berdalilkan ayat al-Qur'an dalam surah Al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”.

- 2) **Haram** orang Islam terlibat dalam pembinaan gereja. Ini merupakan pandangan majoriti ulama mazhab Maliki, Hambali, Syafie dan dua orang ulama aliran hanafi (sahibain : Imam Abu Yusuf dan Muhammad)

Diriwayatkan bahawa Al-Imam as-Syafi'e berkata bahawa beliau membenci seorang Muslim yang bekerja sebagai tukang bina gereja atau pekerjaan yang berkaitan dengan rumah ibadat orang-orang kafir. (Al-Umm, 4/213)

Syeikh Qalyubi pula menyatakan pengharaman terlibat dengan membina gereja seperti menyumbang harta bagi tujuan tersebut, kecuali dalam hal-hal darurat. Urusan pembinaan gereja ini disamakan dengan pengajian kitab Taurat dan Injil serta melukis gambar-gambar haiwan yang dilarang penglibatan padanya. (Hasyiyah Qalyubi wa 'Umairah 'ala Syarh al-Mahalli 'ala al-Minhaj, 3/71)

Ibn Hajar al-Haitami pula menyatakan bahawa jika seorang Muslim berwakaf pada perkara yang maksiat seperti membina gereja, maka wakaf itu terbatal dan tidak sah. (Tuhfatul Muhtaj, 6/246)

Imam Ibnul Qayyim mengharamkan menyewa bilik atau bangunan untuk dijadikan gereja atau rumah sembah an api kaum Majusi. (Ahkam Ahl az-Dzimmah, hal. 582)

Mereka berasaskan kepada firman Allah ﷻ dalam surah Asy-Syura ayat 21;

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَفُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ
لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya; "Apakah mereka mempunyai sembah-sembahan selain Allah yang mensyariatkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan Allah? Sekiranya tak ada ketetapan yang menentukan (dari Allah) tentulah mereka telah dibinasakan. Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan memperoleh azab yang amat pedih"

Firman Allah ﷻ lagi dalam surah Al-kaafirun ayat akhir surah;

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Maksudnya; "bagi kamu, agama kamu. Bagiku, agamaku"

Membantu atau mengambil upah membina gereja adalah tindakan yang menggambarkan perkongsian dengan sembah selain Allah SWT. Sudah pasti, ia boleh membawa kepada kekufuran (atau murtad). Bahkan dalam menjalani kehidupan masyarakat pelbagai agama ini, perlunya ada perbezaan dari sudut akidah, tidak boleh disamakan.

Oleh yang demikian itu, kami berpandangan berdasarkan ulasan-ulasan yang telah di perincikan diatas, maka kami mengikut pandangan majoriti ulama iaitu **haram** hukumnya. Kerana kehidupan kita di Malaysia ini secara khususnya, masih lagi tidak sampai ke peringkat darurat dari sudut pekerjaan. Malah masih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan yang tentu halal, bahkan tiada unsur-unsur yang meragukan. Maka pilihlah pekerjaan yang terbaik yang menepati syarak, walaupun pekerjaan tersebut hanyalah mengutip sampah. Kerana Islam amat menitik beratkan sumber pendapatan yang halal, tiada unsur-unsur syubhah dan sumber baik. Firman Allah ﷻ dalam surah Al-Baqarah ayat 172:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ ءِِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Bermaksud : *“Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar kepada-Nya kamu menyembah”*.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مُرْجِعُ وَالْمَأْبُ

Rujukan :

1. Terjemahan Al-Quran
2. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3000-al-kafi-1033>
3. <https://www.al-qaradawi.net/node/4225>
4. Hasyiyah Qalyubi wa ‘Umairah ‘ala Syarh al-Mahalli ‘ala al-Minhaj